

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 13 OGOS 2014 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	MOSTI to commercialise 60 local products by end of 2014	New Sabah Times
2.	Hasilkan idea inovatif, ciptaan baharu - TPM	Utusan Malaysia
3.	Dengue war bearing fruit	New Straits Times
4.	New device to aid visually-impaired	The Sun
5.	Pereka muda bantu masyarakat	Harian Metro
6.	Inovasi lonjakkan kemajuan negara	Kosmo
7.	Low impact from weekend showers	The Star
8.	Hujan lebat dijangka seminggu	Harian Metro
9.	City Hall to adhere to strict code of parctice	New Straits Times



## MOSTI to commercialise 60 local products by end of 2014

12th August, 2014

RANAU: The Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) expects to exceed its target of commercialising 60 local products by the end of the year.

Its Minister, Datuk Ewon Ebin said the ministry has so far identified and commercialised 58 products and efforts are continuously being made to meet the target of 360 commercialised products by 2020.

“Prime Minister, Datuk Seri Najib Tun Razak has declared the year 2014 as MOSTI year of commercialisation (MCY 2014) with the theme ‘Science, Technology and Innovation (STI) Generate Wealth’.

“It is part of MOSTI’s ongoing efforts to commercialise products by local designers and researchers that can be further developed through financial assistance from MOSTI.

“These products have the potential to be marketed domestically or internationally,” he told reporters after launching the three-day 2014 Innovation Trail (Jejak Inovasi) at SMK Lohan near here yesterday.

A total of 11 secondary schools from nearby districts are involved in the programme as well as various primary schools.

The programme jointly organised by the Malaysia Innovation Foundation (YIM) also saw the participation of 15 agencies from MOSTI and other ministries. It is held in conjunction with Ranau’s Creativity & Science4u Carnival.

“This programme aims to discover innovations at the grassroot level and among school children, in line with our target of commercialising 60 products this year,” he said. Some 2,600 students are involved.

According to him, the ministry has conducted seven similar programmes in the Peninsula so far this year, while this was the first in Sabah.

“For this year, we will be conducting a total of 21 such programmes throughout the country including three more in Sabah,” he said.

The 2014 Ranau Innovation Trail will be scouting for innovations in at least five locations around Ranau and Kundasang during the three-day programme.

A group of scouts consisting of researchers, scientists, patent experts, YIM and MOSTI officials will be visiting the local communities to provide consultation on the objectives, approach, and the desired end-results of the innovations.

A similar programme has been organised in the state since 2011 in Tambunan, Keningau, and Tenom where two innovations namely the Wasinah Kuntagil's Tuhau Machine and Hamid Jasmin's Mini Hydro-electric Mini Dam were identified out of 17 innovations discovered, and have been commercialised.

**Also present at the event were MOSTI's Deputy Minister, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** and state Education Department Director, Datuk Jame Alip.

KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 3  
TARIKH: 13 OGOS 2014 (RABU)



MUHYIDDIN Yassin membetulkan kelengkapan alat 'My Second Eye' pada Khairil Azreen Mohd. Jasni, 21, pada majlis pelancaran Program Inovasi 'My Second Eye' anjuran bersama Standard Chartered dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

## Hasilkan idea inovatif, ciptaan baharu - TPM

KUALA LUMPUR 12 Ogos - Pereka muda diseru mencari lebih banyak idea inovatif dan ciptaan yang dapat memberi manfaat kepada rakyat termasuk masyarakat kurang upaya di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, usaha itu sekali gus dapat menyumbang kepada pembangunan dan penyelidikan negara agar setaraf dengan peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, inovasi bukan sahaja menjadi penyumbang kepada kejayaan organisasi, malah berperanan melonjakkan kemajuan sesebuah negara dan mengukuhkan kedudukannya dalam ranking daya saing global.

"Inovasi yang dihasilkan bukanlah bertujuan menyertai pertandingan atau mendapat pengiktirafan semata-mata, tetapi matlamat utama adalah sebagai usaha berterusan bagi meningkatkan budaya inovasi dalam masyarakat kita," katanya pada majlis pelancaran Program Inovasi 'My Second Eye' anjuran bersama Standard Chartered dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), di sini hari ini.

Yang hadir sama, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Tan Sri Prof. Dr. Ahmad Zaidee Laidin; Ketua Pega-

wai Eksekutif Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB), Datuk Ganesan Supayah; Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Malaysia Bhd., Osman Morad dan Ketua Pegawai Penerangan institusi perbankan itu, Datuk Arif Siddiqui.

Program berkenaan menyaksikan sumbangan alat teknologi bantuan iaitu 'My Second Eye' kepada individu buta dari MAB dan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia menerusi kerjasama pintar antara Standard Chartered dan UTeM.

'My Second Eye' merupakan antara program yang bernaung di bawah payung 'Seeing is Believing' iaitu satu usaha global oleh Standard Chartered bersama Agensi Antarabangsa Untuk Pencegahan Buta (IAPB) dalam mencegah dan merawat masalah cacat penglihatan selain memperkasakan komuniti orang buta.

Inovasi peralatan itu hasil penyelidikan anak tempatan dari UTeM dapat membantu mengesan halangan di atas paras badan sekali gus memberi isyarat kepada pengguna arah halangan bagi memudahkan pergerakan dengan penggunaan sensor elektronik dan penghasilannya berjaya meraih anugerah antarabangsa.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata, sumbangan

institusi pengajian tinggi amat besar dalam bidang penyelidikan dan sistem inovasi nasional yang merupakan salah satu agenda penting negara.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan menerusi inovasi terutama melibatkan kerjasama pintar antara sektor swasta dan institusi pengajian tinggi untuk menghasilkan kajian yang boleh memberi manfaat secara keseluruhan kepada rakyat.

"Kerjasama seperti ini perlulah dicontohi oleh agensi dan badan korporat lain agar lebih ramai tampil ke hadapan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial mereka," ujar beliau.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri menyifatkan penghasilan peralatan 'My Second Eye' yang dapat membantu individu cacat penglihatan sebagai satu lagi lembaran baharu dalam inovasi negara dan berharap agar ia dapat disumbangkan secara meluas pada fasa seterusnya.

"Statistik terkini memaparkan seramai 46,875 individu cacat penglihatan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sumbangan seperti ini sekurang-kurangnya boleh membantu mereka berdirinya dalam menjalani kehidupan seharian dengan lebih mudah," katanya.

